

20/10/2001

Balu kahwin semula terus dapat pencen

BALU yang menerima pencen akan terus mendapat bayaran berkenaan walaupun sudah berkahwin semula, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini balu yang menerima bayaran pencen suami akan kehilangan pencen jika mereka berkahwin semula.

"Adalah diharap tidak ramai yang akan mengambil isteri muda dan meninggalkan isteri tua kerana peruntukan ini," katanya sambil disambut sorakan.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM59 juta bagi membiayai program khusus untuk wanita.

Program berkenaan, katanya, bertujuan meningkatkan kualiti hidup wanita terutamanya di luar bandar dan membangunkan usahanya, selain memberi tumpuan untuk menghapuskan perbezaan gender dalam semua lapangan.

Dr Mahathir berkata, bagi mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan ekonomi, kerajaan menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Penubuhan kementerian ini bertujuan supaya isu dan masalah yang spesifik berkaitan wanita termasuk kanak-kanak dan kekeluargaan dapat diberi tumpuan dan perhatian khusus.

Beliau berkata, berikutan itu juga Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi memasukkan perkataan gender supaya tiada lagi sebarang undang-undang atau dasar yang mendiskriminasikan wanita.

Kementerian juga, katanya, melancarkan Kempen Anti Keganasan Julai lalu dengan matlamat menghentikan sebarang keganasan terhadap wanita.

Dr Mahathir juga menekan mengenai kadar penyertaan tenaga buruh wanita di negara ini yang masih renah, 44.5 peratus berbanding 60 peratus di negara maju. "Kerajaan sentiasa memberi galakan dan peluang sama untuk menceburi sebarang bidang pekerjaan, tidak seperti negeri tertentu yang tidak menggalakkan wanita bekerja.

"Perlu diingat, penduduk Malaysia beragama Islam hanyalah 60 peratus dan separuh daripadanya wanita. Jika tenaga wanita tidak dibenar menyumbang kepada pembangunan orang islam, tenaga orang Islam akan berkurangan kepada 30 peratus," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata pengumuman untuk membolehkan balu terus menerima pencen suami mereka setelah berkahwin semula adalah satu lagi kejayaan besar bagi kementerian yang baru ditubuhkan itu.

"Saya menerima banyak permintaan daripada wanita terutamanya balu yang masih muda dan mempunyai anak supaya mereka diberikan pencen setelah berkahwin semula.

"Ini menunjukkan kepekaan dan keprihatinan kerajaan terhadap hak wanita," katanya.

Beliau menganggap Belanjawan 2002 sebagai belanjawan mesra wanita kerana mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi negara.

"Wanita memperoleh banyak manfaat dipelbagai sektor termasuk kesihatan, perumahan, pendidikan dan latihan," katanya.

(END)